



e-BULETIN INTEGRITI EDISI PERTAMA 2020

**PERSPEKTIF
INTEGRITI**

**ULASAN
FILEM**

**BEDAH
BUKU**

TIPS

**SUDUT JOM
AMALKAN**

**LENSA
INTEGRITI**

JOM KENALI PACCP 2020-2024

INTEGRITI

**adalah tunjang utama bagi memastikan
VISI**

**Jabatan Penjara sebagai
PENERAJU PERKHIDMATAN KOREKTIF
kekal relevan**

*Melestarihan budaya INTEGRITI dalam
Jabatan Penjara Malaysia*



**PROGRAM
PEMULIHAN
BANDUAN**

Memberi peluang kedua kepada
banduan membina kehidupan baru



**TERIMA KASIH
KERANA ANDA
TIDAK
MEMBERIKAN
HADIAH ATAS
PERKHIDMATAN
YANG
DIBERIKAN**



JOM KENALI PACP 2020-2024

APA

Merupakan satu pelan strategik Jabatan Penjara Malaysia ke arah menyelaraskan pelan dan tindakan bagi menangani isu dan permasalahan rasuah yang berlaku dan berpotensi untuk berlaku melibatkan fungsi dan peranan Jabatan Penjara Malaysia.

Dengan wujudnya PACP 2020-2024, maka Pelan Integriti Nasional (PIN) telah tidak digunapakai dan secara automatiknya, Pelan Integriti Jabatan Penjara (PIPEN) telah digantikan dengan PACP 2020-2024.

SIAPA

DI MANA

Pelaksanaan PACP 2020-2024 ini melibatkan Jabatan Penjara Malaysia secara keseluruhannya.

Setiap pemilik inisiatif akan melaksanakan semua inisiatif seperti yang telah didaftarkan di dalam PACP 2020-2024 mengikut tempoh yang telah dipersetujui.

BAGAIMANA

BILA

Mulai Januari 2020 sehingga Disember 2024.

BIL.	BIDANG KEUTAMAAN	RISIKO	INISIATIF
1	Pentadbiran Sektor Awam	16	53
2	Perolehan Awam	16	43
3	Penguatkuasaan Undang-Undang	8	28
4	Tadbir Urus Korporat	9	22
JUMLAH		49	146

57 Jangka Pendek
(Jan. – Dis. 2020)

2 Jangka Sederhana
(Jan. 2020 – Dis. 2021)

87 Jangka Panjang
(Jan. 2021 – Dis. 2024)



CARTA PERBATUAN INTEGRITI

Setiap perkara yang kita lakukan, semestinya ada objektif yang ingin dicapai. Penetapan objektif inilah yang akan menentukan bagaimana kita akan bertindak, strategi apa yang akan disusun, pelan tindakan bagaimana akan dibangunkan dan apa *back up plan* sekiranya apa yang dirancang tidak menjadi. Justeru, integriti juga mempunyai carta perbatuannya yang tersendiri.

Untuk menentukan tindakan mana yang sesuai, maka nilai perlu menjadi pegangan. Tanpa nilai, mungkin tindakan yang diambil akan semberono. Nilai baik akan menentukan tindakan yang bakal diambil juga adalah baik, kerana sesungguhnya matlamat tidak sesekali menghalalkan cara.

OBJEKTIF

RELEVAN

BERTERUSAN

NILAI

TINDAKAN

Kerana objektif berada di hujung garisan, maka nilai yang menjadi pegangan kita perlu dikekalkan. Berubah mengikut keadaan dan menjadi lebih baik. Dengan kata lainnya, nilai tersebut berubah mengikut keperluan dan peredaran semasa, agar ia tetap relevan bagi membolehkan objektif dicapai. Maka cara terbaik untuk melengkapkan dan mencapai carta perbatuan ini adalah melalui amalan tadbir urus yang baik.



Integríti adalah PILIHAN. Pilihan sama ada untuk berlaku adil atau tidak. Apabila keadaan 'memaksa' sesuatu keputusan dibuat sedemikian rupa, kita ketepikan integríti dengan alasan 'budí bicara'. Kadang-kadang, mungkin tanpa kita sedar bahawa kita telah memilih untuk berlaku tidak adil, namun ketidakadilan itulah yang dilihat dan dinilai oleh individu lain yang memandangi dan menghakimi setiap tindak-tanduk kita.

ULASAN
FILEM

Tarikh Siaran : 17 Ogos 2017
Bahasa : Korea
Sarikata : Cina/ Inggeris/ Melayu
Genre : Aksi/ Perang
Durasi : 133 minit
Pengarah : RYOO Seung-wan



Filem *The Battleship Island* ini dibintangi oleh pelakon-pelakon popular Korea seperti Song Joong Ki, So Ji Sub serta Hwang Jung Min. Filem yang berlatarbelakangkan tahun 1940-an di zaman era Kolonial Jepun ini, mengisahkan perjalanan ratusan rakyat Korea Selatan yang dikerah berkerja menggali arang batu di *Battleship Island* yang terletak di Jepun, yang mana pada masa sama mereka cuba melarikan diri dari pulau berkenaan.

Cerita ini menekankan kepada beberapa karektor antaranya Lee Kang Ok (Hwang Jung Min) yang ingin membawa anak perempuannya Lee So hee (Kim Su An) ke Jepun demi mendapatkan kehidupan yang lebih selesa dan bermakna, tetapi akhirnya mereka terperangkap dan dibawa ke *Battleship Island* untuk dijadikan buruh bersama-sama dengan tawanan perang. Apabila tiba di sana dia telah bertemu bertemu dengan Choi Chil Sung (So Ji Sub), seorang samseng yang turut dihantar sebagai buruh. Walau pun dia seorang samseng, akan tetapi dia juga mempunyai hati yang baik dan menjadi pelindung kepada Oh Mal Nyeon (Lee Jung Hyun) di mana dia telah dijadikan sebagai wanita simpanan di sana.


Perkara yang lebih memilukan berlaku apabila, selama ini mereka semua telah ditipu oleh ketua yang mereka percayai dan sanjungi iaitu Yoon Hak-Chul yang merupakan seorang pengkhianat dan bekerjasama dengan Jeneral Shimazaki yang memeras ugut wang daripada pekerja-pekerja yang berkerja di pulau berkenaan. Seorang tentera Pak Moo Young (Song Joong Ki) yang sangat terlatih dalam bidang ketenteraan dan risikan Korea telah dihantar ke sana untuk membawa lari seorang lelaki yang dipercayai telah terperangkap di pulau tersebut untuk dibawa pulang ke Korea demi kemerdekaan Korea Selatan. Namun begitu, perkara sebaliknya yang berlaku apabila objektif asalnya telah berubah menjadi satu perjuangan bagi membebaskan 400 orang rakyat Korea yang telah ditindas.



Lakonan mantap yang telah dipersembahkan oleh semua pelakon filem ini benar-benar meninggalkan bekas di hati penonton. Banyak babak-babak mendebarkan dan menyayat hati yang pasti mengundang air mata para penonton. Antaranya, kegigihan mereka berjuang demi menyelamatkan diri serta semangat cintakan negara yang benar-benar memberi kesan.

Secara rumusannya, filem ini membawa mesej kepada kita agar sentiasa menyemai sikap cintakan negara dan memastikan negara kita tidak dijajah oleh anasir-anasir jahat yang boleh mencetuskan peperangan sesama sendiri. Selain itu, sifat kasih sayang juga perlu diterapkan dalam diri kita agar kita sentiasa ingat bahawa yang tua seharusnya disayangi dan yang muda dihormati supaya persefahaman serta sikap hormat-menghormati di kalangan kita dapat dikekalkan.

**BEDAH
BUKU**



Melalui buku *Modul Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam*, terbitan JAKIM antara lain menyatakan, manusia diciptakan oleh Allah SWT dengan unsur kerohanian dan fizikal yang merupakan potensi bagi membolehkan manusia mengurus tadbir dunia berbanding makhluk Allah SWT yang lain. Proses pemantapan fungsi manusia akan menjadi sempurna apabila kedua-dua unsur tersebut berkembang secara sepadu dan seimbang. Unsur kerohanian adalah unsur abstrak yang terdiri dari roh, akal dan nafsu yang perlu dididik dengan nilai-nilai bersifat kerohanian yang memerlukan mekanisme pemantauan yang dikenali sebagai muhasabah diri. Tanpa didikan dan kawalan akan menyebabkan nafsu menguasai tindakan individu dan sering kali juga akal tidak dapat melaksanakan fungsinya yang sebenar.

Menurut penulis, apabila situasi ini berlaku, akan mendorong individu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan norma kehidupan, peraturan dan undang-undang. Dalam konteks pengurusan dan urus tadbir organisasi, pembudayaan integriti memerlukan kefahaman dan kesedaran bahawa etika tersebut mesti diamalkan dan pengabaianya akan membawa kepada kerosakan bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada orang lain dan organisasi.

Integriti dapat dipupuk dan dimantapkan melalui peringatan bahawa tugas adalah amanah, tindak-tanduk individu dipantau melalui konsep ihsan, konsep pengetahuan dan penyaksian Allah SWT tidak ada batasan waktu dan tempat. Manakala konsep-konsep lain yang berteraskan nilai-nilai ajaran Islam yang akan menambah kekuatan dalaman penjawat awam untuk menghadapi tugas yang semakin mencabar.

Secara kesimpulanya buku ini menerangkan bahawa, seorang yang soleh boleh merumuskan cara menewaskan musuh ketatnya sama ada hasutan syaitan atau mengikut hawa nafsu. **Namun dari manakah syaitan ini akan masuk ke dalam diri manusia?**

- 1** Tamak dan buruk sangka, maka aku menghadapinya dengan sifat menaruh kepercayaan dan berpada dengan apa yang ada.
- 2** Cintakan kehidupan dunia dan panjang angan-angan, lalu aku menghadapinya dengan perasaan takut terhadap kedatangan maut yang boleh berlaku saban waktu.
- 3** Cintakan kerehatan dan kemewahan, lantas aku menghadapinya dengan keyakinan bahawa kenikmatan itu akan hilang dan balasan buruk pasti menanti.
- 4** Kagum terhadap diri sendiri (*ujub*) lantas aku menghadapinya dengan rasa terhutang budi kepada Allah dan kepada akibat yang buruk.
- 5** Memandang rendah terhadap orang lain dan tidak menghormati mereka, lalu aku menghadapinya dengan mengenali hak-hak serta menghormati mereka secara wajar.

6 Hasad (dengki) lalu aku menghadapinya dengan sifat berpada (*qana`ah*) dan redha terhadap kuniaan Allah SWT kepada makhluk-Nya.

7 Riya' dan sukakan pujian orang, lalu aku menghadapinya dengan ikhlas.

8 Bakhil (kedekut), lalu aku menghadapinya dengan menyedari bahawa apa yang ada pada makhluk akan binasa manakala yang kekal itu berada di sisi Allah SWT.

9 *Takabbur* (membesar diri), lalu aku menghadapinya dengan rasa *tawadhu'* .

10 Tamak haloba, lalu aku menghadapinya dengan mempercayai ganjaran yang disediakan di sisi Allah SWT dan tidak tamak terhadap apa yang ada di sisi manusia.

Secara keseluruhannya, isi kandungan modul dalam buku ini merupakan sebuah koleksi yang menghimpunkan sedikit sebanyak nilai-nilai murni yang wajar dan perlu dibudayakan, agar ia dapat memandu kita untuk menguruskan kehidupan ke arah jalan yang lebih dan selalunya baik.


TIPS

Jom...*Move On* daripada si 'dia'

Apa kata selepas ini, formatkan semula 'CPU' kita, bahawa perkhidmatan awam bukan lubuk untuk kita menjana kekayaan. Perkhidmatan awam berjalan dengan tidak berteraskan keuntungan. Mudahnya, perkhidmatan awam lebih kepada perkhidmatan percuma yang disediakan kepada pelanggan. Sentiasa *refresh* diri, untuk sentiasa menjadi 'penyapu baharu' dalam Jabatan. Dengan cara ini, kita boleh bantu Jabatan kita dengan sentiasa cuba memberikan idea-idea baharu dalam melaksanakan penambahbaikan. Bos pula jangan sekat kreativiti mereka...



**Reformat dan
Refresh Niat**



Merupakan salah satu masalah dan punca utama yang menghalang seseorang untuk berubah dan *move on*, yang kerap kali dikaitkan dengan putus cinta. **BERHENTI** daripada terus menoleh kebelakang perkara-perkara buruk yang bakal ditinggalkan. Perubahan sememangnya memerlukan pengorbanan kerana berubah memerlukan kita mengubah amalan biasa yang belum tentu betul kepada amalan yang betul dan sukar dibiasakan.



**Jangan *stalk*
lagi si 'dia'**

**Dekatkan diri
denganNya**

3

Banyaknya masa main yang telah kita bazirkan....sibuk mengejar berbagai perkara hingga leka untuk 'berbicara' denganNya. Dekatkan diri kita denganNya dan perbanyakkan muhasabah diri agar tindakan kita dapat berubah kepada yang lebih baik. Sesungguhnya perubahan itu tidak perlu diucapkan kerana dengan perubahan yang berlaku, individu yang berada di sekeliling kita akan menyedarinya dan mana tahu.....mereka akan turut berubah ke arah yang lebih baik.

Sedar dan tahu harga/ nilai diri kita dalam keluarga, masyarakat, organisasi dan negara. Ingat...setiap kejadian tidak ada yang sia-sia kecuali kita sendiri yang mensia-siakan peluang yang telah diberikan. Sekurang-kurangnya dengan keadaan ini, kita belajar mencintai diri sendiri dan tidak merosakkan diri. Nyawa, maruah dan kehidupan bukanlah sesuatu yang boleh dibeli di mana-mana *hypermarket*.

**Tahu nilai diri
anda**

4

Bersambung ke Bahagian 2...

Amboi....bila sebut si dia, ingat putus cinta sahaja yang perlu *move on*? Jom, kita *move on* ke arah yang lebih baik.....

**SUDUT JOM
AMALKAN**

CUBA FAHAMI INDIVIDU LAIN

Apabila seseorang terlalu banyak ketawa walau pun untuk perkara yang remeh atau bodoh, dia sebenarnya individu yang sangat sunyi



Apabila seseorang itu makan melebihi kebiasaannya, dia sebenarnya sedang tertekan

Apabila seseorang tidak mampu menangis, jiwa sebenarnya adalah lemah

Apabila seseorang itu menangis walau pun untuk sekecil-kecil perkara, dia merupakan seseorang yang lurus dan berjiwa lembut

Apabila seseorang itu kerap marah walau pun untuk sekecil-kecil perkara, itu bermaksud dia memerlukan kasih sayang

**JADI.....CUBALAH FAHAMI ORANG DI SEKELILING
KITA AGAR KITA BOLEH MENJADI TEMAN YANG BAIK**

**LENSA
INTEGRITI**



**KURSUS PENGURUSAN
TATATERTIB PADA 10 – 12
MAC 2020 BERTEMPAT DI
IKoM**



**BENGGKEL SEMAKAN SEMULA
CORRUPTION RISK
MANAGEMENT PADA 10 – 12
MAC 2020 BERTEMPAT DI
AKM, LANGKAWI**



AKAN DATANG.....

AKTIVITI INTEGRITI

KEMBALI LAGIIIIII.....

Cuba dapatkan BINGO anda

1 Jawapan	2	3 Jawapan	4	5 Jawapan
16 Jawapan	17 Jawapan	18 Jawapan	19 Jawapan	6
15 Jawapan	24	23 Jawapan	20	7
14 Jawapan	25 Jawapan	22 Jawapan	21 Jawapan	8
13 Jawapan	12	1 Jawapan	10	9 Kali Ke-230
B	I	N	G	O

Hadiah
menanti
pemenang
bertuah



Pertandingan KARYA KREATIF

Mencari istilah baharu Bahasa Melayu
Page 1





**TERBITAN UNIT INTEGRITI
IBU PEJABAT PENJARA MALAYSIA**

SIDANG REDAKSI

PKK Meor Azizi Sapawi bin Ahmad Sepuan

Noor Jumaaton binti Razikin

Dg. Saniah binti Ab. Hassan

Wdr Alias bin Baharudin

**Kami mengalu-alukan sebarang sumbangan karya bertemakan integriti
(rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan lain-lain) untuk dikongsi
bersama. Hantarkan karya anda ke integriti@prison.gov.my**